

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN

SOALAN:

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran projek pembinaan Jalan Raya Pan Borneo yang akan dilaksanakan dalam 35 pakej secara terperinci seperti lokasi pakej masing-masing, bajet yang dijangka diguna pakai, kriteria pelantikan kontraktor dan lain-lain.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Negeri Sabah (Fasa 1) telah dibahagikan kepada 35 pakej. Keseluruhan pakej terlibat itu dirancang akan siap pada akhir tahun 2021.

Pada masa kini 2 projek 'kick-off' telah dimulakan, iaitu dari Dongongon ke Papar (11km; kemajuan semasa: 6%) dan Tawau ke Semporna (5km; kemajuan semasa: 3%). Manakala pakej-pakej lain fasa pertama Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sedang melalui proses Makmal Pengurusan Nilai dan dijangka akan ditender secara berperingkat mulai akhir tahun ini. Ini tidak termasuk satu pakej projek 'kick off' lain iaitu membina Jalan Pintasan Lahad Datu yang telah

diawad pada 10 Oktober 2016 dan dirancang akan memulakan pembinaan pada bulan Disember 2016.

Mengenai kaedah pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo di Sabah, untuk makluman Ahli yang Berhormat, ia akan dilaksanakan melalui model Rakan Pelaksana Projek atau PDP ('Project Delivery Partner'). PDP ini berperanan sebagai pengurus projek sebagaimana kaedah model pelaksanaan projek MRT Lembah Klang, iaitu 'one stop accountability centre' yang akan bertanggungjawab memastikan projek dapat disiapkan mengikut kos, kualiti, piawaian dan spesifikasi serta tempoh pembinaan yang dipersetujui Kerajaan.

Berdasarkan kontrak perjanjian PDP, harga kontrak untuk projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah (Fasa 1) ialah sebanyak RM12.86 bilion. Manakala kadar fi atau yuran PDP yang ditetapkan ialah sebanyak 5.5% daripada jumlah kontrak sebenar selepas keseluruhan pakej ditender dan tertakluk nilai had maksimum RM12.86 bilion. Pembiayaan projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah akan ditanggung Kerajaan Pusat sepenuhnya – melalui kombinasi daripada peruntukan bajet RMKe-11, iaitu sebanyak RM5 bilion – manakala bakinya akan dibiayai menerusi penerbitan bon/sukuk oleh DanaInfra Nasional Berhad (anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan).

Bagi maksud mentadbir perbelanjaan Lebu Raya Pan Borneo Sabah, Kerajaan telah menubuhkan Akaun Amanah Khas di mana wakil daripada Kerajaan Pusat juga dilantik menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa Akaun Amanah Khas berkenaan. Sehubungan itu aliran tunai ('cashflow') untuk perbelanjaan projek ini

akan disediakan mengikut nilai kemajuan kerja semasa di tapak. Bagi tahun 2016 ini, sebanyak RM300 juta telah disalurkan untuk projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah. Manakala untuk tahun 2017 pula anggaran peruntukan yang dijangka dapat dibelanjakan ialah sebanyak RM1 bilion.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN CHONG CHIENG JEN
DARIPADA [BANDAR KUCHING]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Sarawak ada membuat permohonan untuk mengadakan sekolah di mana Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar untuk pengajaran semua mata pelajaran dan sama ada permohonan itu akan diluluskan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Subseksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan

oleh Menteri daripada subseksyen ini. Subseksyen 17 (2) menetapkan bahawa jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama sama ada di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan termasuklah di sekolah mubaligh (*mission*) serta sekolah swasta adalah bercanggah dengan peruntukan Akta 550 tersebut.